القول التام
الجامع
لصور اقتداء المأموم بالإمام

إعداد

عبد المنان لوبيس بن قصري الدمنسري

دورة عند شيخنا طه عبد الحميد محمد حمادي

في رجب ١٤٣٧ هـ \ أبريل ٢٠١٦ م

بمعهد المصطفى

أولو تامو، باتغ كالي

سلاغور، ماليزيا

FIQH GAMBARAN
MAKMUM MENGIKUT IMAM

Disediakan oleh
Abdul Manan Lubis Bin Kasri

Daurah bersama guru kita
Syeikh Toha Abdul Hamid Hamadi
Pada Rajab 1437 H / April 2016 M
Di Maahad al-Musthofa,
Ulu Tamu, Batang Kali
Selangor, Malaysia

فهرس

بسم الله الرحمن الرحيم

مُقدِّمة

الحمد لله الذي جعل جمع العلم ونشره من أهم ما يكتب في الدين، وجعل ثواب ذلك باق لصاحبه الأيام والسنين، والصلاة والسلام الأتمان الأكملان على سيدنا محمد سيد المرسلين وإمام المتقين، الناشر شريعة ربه في كل وقت وحين.

أما بعد، فهذه رسالة مهمة للغاية في صور اقتداء المأموم بالإمام. جمعها ولخصها من بطون الكتب الأخ الفاضل السيد النبيل محمد بن حسن بن علي السِّري أثناء دراسته وتدريسه في 'رباط تريم'. وقد راجعها بعض العلماء وأثنى عليها الكثير منهم، ونالت القبول لدى طلاب العلم، ودُرِسَتْ في بعض الحلقات. ثم جاوزت محل ميلادها فوصلت إلى بعض الدول، ومنها 'ماليزيا'. فقد أقيمت فيها عدة دورات في معاهد متعددة، ومنها معهد المصطفى ومعهد 'مفتاح العلوم' في العاصمة كوالا لمبور، وفي غيرها من المعاهد.



Mukaddimah

Segala puji bagi Allah yang telah menjadikan menghimpun dan menyebarkan ilmu termasuk kewajiban yang paling penting dalam agama. Dia menjadikan pahala bagi perkara ini berkekalan buat orang yang melaksanakannya. Salawat dan salam yang paling lengkap dan sempurna buat junjungan kita Muhammad penghulu para rasul dan imam para muttaqin, penyebar syariat Tuhannya pada setiap waktu dan masa.

Amma ba'du, ini adalah sebuah risalah yang amat penting menjelaskan gambaran-gambaran makmum mengikut imam. Ia telah dihimpun dan disimpulkan dari isi pelbagai kitab oleh saudara yang mulia al-Fadhil Saiyyid Muhammad bin Hasan bin Ali as-Sirri di sela-sela tugas belajar dan mengajar beliau di 'Ribath Tarim'. Risalah ini telah disemak oleh beberapa orang ulama' dan ramai di antara mereka yang menabur pujian ke atasnya. Risalah ini kemudiannya telah diterima dengan baik di kalangan pelajar dan ia telah menjadi bahan pelajaran di beberapa *halaqah*. Setelah itu, risalah ini melepasi tempat kelahirannya lalu sampai ke beberapa buah negara, di antaranya adalah Malaysia. Di negara ini, telah diadakan daurah sebanyak beberapa kali yang mengupas isi risalah ini di beberapa buah maahad. Di antaranya ialah Maahad al-Musthofa dan Madrasah Miftahul Ulum di ibu negara Kuala Lumpur. Begitu juga di beberapa buah maahad lagi.

وقد طلب مدير معهد المصطفى كتابة مقدمة بسيطة على هذه الرسالة، فكتبت عليها هذه المقدمة نزولًا على رغبته، ونشرًا للعلم وإظهارًا لفضيلته ولجهد جامع هذه الرسالة حفظه الله، وما سِرّ نشرِها - كما أعتقد - إلا إخلاص جامعها، أسأل الله لنا وله ذلك في كل أعمالنا.

وإتمامًا للفائدة أضاف مدير معهد المصطفى في ماليزيا بعض الفوائد من رسالة الأخ أسامة حمزي الذي استقى ما في رسالته من الصور من الرسالة المذكورة.
وختم الرسالة بالصور التي جمعها الشيخ عبد الله باسودان "وختامه مسك".
ثم جَمَّلَ خاتمة الرسالة بما لخصه من حاشية البيجوري من صلاة الجماعة على شكل جدول، فأضاف نورا على نور، وهو على ما فعل مشكور ومأجور.

كتبه طه عبد الحميد محمد حمادي

في معهد المصطفى

في باتڠ كالي

في ماليزيا الشقيقة

١٥ أبريل ٢٠١٧ م

١٨ رجب ١٤٣٨ هـ

Mudir Maahad al-Musthofa telah meminta saya menulis mukaddimah ringkas untuk risalah ini, lalu saya menulis mukaddimah ini untuk memenuhi permintaan beliau. Juga untuk menyebarkan ilmu dan untuk menzahirkan keutamaannya dan usaha penyusun risalah ini - semoga Allah memelihara beliau. Rahsia tersebarnya risalah ini tidak lain tidak bukan - menurut apa yang saya rasakan - adalah keikhlasan penyusunnya. Saya memohon pada Allah agar mengurniakan keikhlasan pada beliau dan kita semua dalam semua amalan kita.

Untuk menyempurnakan faedah, mudir Maahad al-Musthofa (Malaysia) telah menambah beberapa faedah dari risalah saudara Usamah Hamzi yang juga telah menyusun risalah beliau bersumberkan risalah Saiyyid Muhammad bin Hasan as-Sirri. Risalah ini diakhiri dengan gambaran-gambaran yang disusun oleh Syeikh Abdullah Basaudan dan ia adalah penutup yang sempurna. Kemudian penutupnya diperindahkan lagi dengan *khulasah* yang beliau simpulkan dari Hasyiah al-Baijuri, diambil dari bab *solat jama'ah* dalam bentuk peta minda. Dengan ini beliau telah menambahkan cahaya di atas cahaya. Semoga usaha beliau ini dibalas dan diganjari.

Ditulis oleh:
Toha Abdul Hamid Muhammad Hamadi
Di Maahad al-Musthofa,
Batang Kali, Malaysia
15 April 2017 M
18 Rajab 1438 H

صور اقتداء المأموم بالإمام

تأليف

السيد محمد حسن علي السرّي

مدرس في رباط تريم ، حضرموت

مع بعض الفوائد من رسالة

الشيخ أسامة حمزي

مدرس في رباط تريم ، حضرموت

FIQH GAMBARAN
MAKMUM MENGIKUT IMAM

Susunan

Saiyyid Muhammad bin Hasan bin Ali as-Sirri

Guru di Ribath Tarim, Hadhramaut

Dilengkapi dengan faedah-faedah dari risalah

Syeikh Usamah Hamzi

Guru di Ribath Tarim, Hadhramaut

بسم الله الرحمن الرحيم

صور اقتداء المأموم بالإمام

اعلم أن لصحة اقتداء المأموم بالإمام سبعة شروط:

١. عدم تقدم المأموم على إمامه في الموقف
٢. العلم بانتقالات الإمام
٣. نية القدوة
٤. توافق نظم صلاتيهما
٥. الموافقة في سنن تفحش المخالفة فيها
٦. المتابعة بأن يتأخر إحرام المأموم عن إحرام إمامه
٧. اجتماع المأموم بالإمام في مكان.



GAMBARAN MAKMUM MENGIKUT IMAM

Ketahuilah sesungguhnya terdapat 7 syarat bagi memastikan *iqtida'* makmum terhadap imam adalah sah.

Ketahuilah sesungguhnya terdapat 7 syarat sah bagi makmum dalam mengikuti imam:

1. Makmum tidak berdiri lebih depan dari imam.
2. Dapat mengetahui gerakan imam berpindah dari satu rukun ke rukun yang lain.
3. Niat mengikuti imam.
4. Solat yang dikerjakan imam dan makmum sama susunannya.
5. Gerakan makmum sama dengan imam dalam sunat-sunat yang akan menampakkan perbezaan yang ketara jika makmum tidak mengikutinya.
6. Makmum mengikuti gerakan imam (tidak mendahului imam). Contohnya, makmum hendaklah menunggu imam bertakbir terlebih dahulu, barulah dia mulai bertakbir.
7. Makmum berhimpun dengan imam di satu tempat.

وأنّ اجتماع الإمام والمأموم، له أربع حالات:

١) أن يجتمعا في مسجد.

٢) أن يجتمعا في غير المسجد .

٣) أن يكون الإمام في المسجد، والمأموم خارجه.

٤) أن يكون الإمام خارج المسجد، والمأموم داخله.

الحالة الأولى : أن يجتمعا في مسجد.

وفيه يصحّ الإقتداء بشروط :

١) العلم بانتقالات الإمام.

٢) إمكان المرور عادة من غير حبو أو وثب، أو الوصول إليه ولو بازورار وانعطاف.

فان حصل الشرطان الماضيان صحّ اقتداء المأموم بالإمام وإن حالت الأبنية، أو بعدت المسافة، أو أغلق الباب، أو غير ذلك من الصور التى ستبيّن فيما يأتي إن شاء الله تعالى.

وسأبين فيما يلي الصور التي يصحّ فيها اقتداء المأموم بالإمام مع توفر الشروط، والصور التي لا تصحّ، أو ما يصحّ منها على خلاف فيه.

Berhimpunnya makmum dengan imam pula mempunyai 4 situasi:

1) Kedua mereka berhimpun di dalam masjid.
2) Mereka berdua berhimpun di tempat selain masjid.
3) Imam berada di **dalam** masjid, sementara makmum berada di **luar**.
4) Imam berada di **luar** masjid, sementara makmum berada di **dalam**.

Situasi pertama: Imam dan makmum berhimpun di dalam masjid

Sah *iqtida'* (mengikuti imam) dengan beberapa syarat:


1. Makmum dapat mengetahui gerakan imam berpindah dari satu rukun ke rukun yang lain.
2. Makmum dapat berjalan tanpa perlu merangkak atau melompat dan dapat sampai kepada imam walaupun dia perlu membelok ke belakang dan berpusing dari arah kiblat.

Jika 2 syarat ini terpenuhi, iqtida' makmum terhadap imam adalah **sah** sekalipun terdapat halangan antara mereka berdua, atau jauh jarak antara keduanya, atau terdapat pintu yang tertutup di antara mereka berdua, ataupun bentuk-bentuk gambaran lain yang akan diterangkan nanti insyaAllah.

Setelah ini saya akan tampilkan:


a) gambaran-gambaran yang sah *iqtida'* makmum dengan imam bila memenuhi syarat-syaratnya.
b) gambaran-gambaran yang tidak sah *iqtida'*.
c) gambaran-gambaran yang hukumnya diperselisihkan oleh fuqaha'.

الصورة الأولى



(يصحّ) الإقتداء هنا لتوفّر الشروط من علم بانتقال الإمام وإمكان الوصول.


الصورة الثانية



(لا يصحّ) الإقتداء لأنّ المأموم لا يمكنه الوصول إلى الإمام، لعدم وجود المنفذ – من داخل المسجد – أصلا.

KEADAAN PERTAMA
Imam Dan Makmum Di Dalam Masjid

GAMBARAN PERTAMA




Sah mengikut imam di sini kerana memenuhi syarat:

a) mengetahui gerakan imam (perpindahan dari satu rukun ke rukun berikutnya) dan


b) dapat sampai kepada imam.

GAMBARAN KEDUA



Tidak sah mengikut imam kerana makmum tidak dapat sampai kepada imam berikutan tiada jalan (pintu) - dari dalam masjid - sama sekali.


الصورة الثالثة



(يصحّ) الإقتداء إن كانت المسافة التي يمر فيها المأموم خارج الباب من رحبة المسجد، لإمكان المأموم الوصول إلى الإمام بدون ازورار مع علمه بالإنتقالات.


وإن كانت المسافة ليست من الرحبة فلا يصح لاشتراط الرؤيا.

الصورة الرابعة




(يصحّ) الإقتداء لأنهما في مسجد، فلا يضرّ طول المسافة، لكن تفوت فضيلة الجماعة.

GAMBARAN KETIGA




Sah mengikut imam jika laluan yang digunakan makmum (diluar pintu) adalah termasuk رحبة masjid, ini kerana makmum dapat sampai kepada imam tanpa membelok kebelakang dan berpusing dari arah kiblat dalam keadaan makmum mengetahui gerakan imam (perpindahan dari satu rukun ke rukun berikutnya). Sekiranya laluan tersebut tidak termasuk رحبة, maka tidak sah kerana dalam keadaan ini, disyaratkan makmum mesti nampak imam.

GAMBARAN KEEMPAT




Sah mengikut imam kerana imam dan makmum berada di dalam masjid. Jadi, tidak mengapa jika terdapat jarak yang jauh antara keduanya. Namun ianya meluputkan pahala berjemaah.

الصورة الخامسة




(يصحّ) الإقتداء لأنّه في مسجد فلا يضرّ الباب المغلق فيه، وإن ضاع المفتاح.

الصورة السادسة




(لا يصحّ) الإقتداء لأنه لا يمكن للمأموم المرور منه والوصول إلى الإمام لأن الشباك لا يمكن الاستطراق منه عادة.

GAMBARAN KELIMA




Sah mengikut imam kerana keduanya berada di dalam masjid. Jadi, tidak mengapa jika pintu tertutup rapat atau berkunci meskipun kuncinya hilang.

GAMBARAN KEENAM




Tidak sah mengikut imam kerana makmum tidak dapat melalui (menembusi) tingkap untuk sampai kepada imam kerana tingkap tidak dapat dijadikan tempat laluan secara biasa.

الصورة السابعة



الصورة الثامنة




(يصحّ) الإقتداء وإن اختلفت الأنبية لأنّ المـأموم وجد منفذا لا يمنع الاستطراق عادةً.

[مسألة زوال السلّم] يضرّ زوال السلّم في الأثناء سواء في المسجد أوغيره.


ولا يضرّ عند البيجرمي، لأنه يغتفر في الدوام ما لا يغتفر في الابتداء.

GAMBARAN KETUJUH



Sah mengikut imam kerana makmum dapat sampai kepada imam walaupun dengan cara membelok kebelakang dan berpusing dari arah kiblat.

GAMBARAN KELAPAN



Sah mengikut imam meskipun makmum berada di tingkat yang berbeza dengan imam. Ini kerana makmum mempunyai jalan yang biasanya tidak menghalang laluannya.

[Masalah tangga tiada (hilang atau diambil)] Jika tangga itu diambil ketika makmum sedang solat, maka tidak sah iqtida'nya samaada dia berada di dalam masjid atau tidak.

Namun syekh Bujairami berpendapat tidak mengapa, kerana berdasarkan kaedah: *" Dimaafkan bila ia di tengah-tengah, tidak dimaafkan jika ia dipermulaan"*.

الصورة التاسعة

إمام
الإمام في
أرض المسجد
مأموم
يمكن للمأموم الوصول
إلى الإمام من هذا
الدرج وإن كان خلفه
المأموم في
سطح المسجد


(يصحّ) الإقتداء وإن اختلفت الأنبية ، وإن وجد المنفذ خلف المأموم ، قال في البغية: "أما اشتراط أن لايكون المنفذ خلف المأموم فلم يقله أحد ، ولو قاله بعضهم لم يلتفت لكلامه لمخالفته لما سبق".

الصورة العاشرة

إمام
الإمام في
أرض المسجد
حاجز من
غير منفذ
درج إلى
سطح المسجد
مأموم
المأموم في
سطح المسجد،
وله درج
خاص في
خارج المسجد

(لا يصحّ) الإقتداء لأنه لا يوجد منفذ يصحّ الاستطراق منه وإن وجد نحو (حبل) يخرج به فهو يمنع الاستطراق عادة .


GAMBARAN KESEMBILAN



Sah mengikut imam meskipun imam dan makmum berada di tingkat yang berbeza dan meskipun jalan / pintu berada di belakang makmum.


Pengarang Bughyah berkata: *"Adapun pensyaratan jalan/ pintu tidak boleh di belakang makmum, tidak ada sesiapa pun yang mengatakannya. Dan jika ada sebahagian orang yang mengatakannya, pendapatnya tidak perlu / usah dipedulikan kerana ia bercanggah dengan pendapat (hukum) yang telah lalu".*

GAMBARAN KESEPULUH




Tidak sah iqtida'nya kerana tidak ada pintu / jalan yang dapat dilalui, sekalipun ada tali atau seumpamanya yang dapat digunakan untuk turun tanpa keluar dari masjid,ia tetap tidak sah kerana ia bukanlah cara yang biasa digunakan untuk turun dari tingkat atas ke tingkat bawah.

الصورة الحادية عشرة




(يصحّ) الإقتداء إن كانت القفزة أو الوثبة غير فاحشة، أي أنها لا تمنع كونه سيرا معتادا. أما إن كانت وثبة فاحشة (فلا يصحّ) الإقتداء لأنه لا يعتبر استطراق عادة. قال في البغية: "أماالصغار (أي صغار السفن) فالوثبة التي يحتاجها إلى التوصل من المرتفع إلى المنخفض لطيفة لا تمنع كونه سيرا معتادا". كذلك إن كانت للباب عتبةٌ تحتاج إلى فقز، يكون فيه التفصيل السابق.

الصورة الثانية عشرة



GAMBARAN KESEBELAS

Imam dan makmun berada dibahagian atas masjid, diantara keduanya terdapat batas yang dapat dilalui dengan cara melangkah besar atau melompat




Sah iqtida' jika lompatannya tidak besar (masih dianggap berjalan secara biasa). Tapi jika lompatannya besar, maka iqtida'nya tidak sah kerana yang demikian tidak dianggap sebagai laluan yang dapat dilalui dengan cara biasa.

Pengarang Bughyah berkata: *"Adapun sampan-sampan yang kecil maka lompatan / langkah yang diperlukan untuk turun ke tanah adalah lompatan kecil (langkah besar). Ia masih dianggap berjalan secara biasa "*.

Begitu juga hukumnya bagi pintu yang mempunyai bendul. Berlaku padanya perincian hukum diatas.


GAMBARAN KEDUA BELAS

Ini adalah pintu yang dapat digunakan makmum untuk sampai kepada imam, namun dia mesti tunduk atau membongkok (pintunya rendah)



Sekiranya tunduk / bongkok tersebut tidak sampai kepada had rukuk minima, maka iqtida'nya sah. Tapi jika sampai kepada had rukuk minima, maka iqtida'nya tidak sah.

الصورة الثالثة عشرة



قال الإمام الرملي:


(لا يصحّ) الإقتداء سواء كانا في مسجد أو مساجد.

وقال الشيخ ابن حجر:

(يضرّ) إن كانا في مساجد لا في مسجد واحد ، إلا إذا فتح لكلٍّ باب مستقلّ من خارج المسجد.

(مسألة لو طرأ التسمير) يضرّ وهو المعتمد. قال البجيرمي: إنه لايضرّ، إذ يغتفر في الدوام ما لا يغتفر في الابتداء .


الصورة الرابعة عشرة



- مردود: تيدق توتوف راڤت
- مغلق: توتوف راڤت/ بركونچي

(يصحّ) الإقتداء لأنه لا يضرّ الباب المردود في المسجد، لكن إذا انغلق الباب في أثناء الصلاة، ما حكمه ؟ الإغلاق لا يضرّ، والتسمير يضرّ.

GAMBARAN KETIGA BELAS




Imam Ar-Ramli berkata: *"Tidak sah iqtida' samaada ada imam dan makmum berada dalam satu masjid atau imam berada di dalam satu masjid, sementara makmum berada di dalam masjid yang lain".*

Syekh Ibnu Hajar berkata: *"Tidak boleh sekiranya mereka berdua berada di dalam dua masjid yang berbeza melainkan apabila kedua-dua masjid mempunyai pintu untuk masuk dari luar".*

(Masalah pintu yang baru dipaku) Hukumnya tidak sah iqtida'. Inilah pendapat yang muktamad. Namun menurut Al-Bujairami: *Ianya tidak mengapa (sah iqtida') berdasarkan kaedah " Dimaafkan bila ia di tengah-tengah, tidak dimaafkan jika ia dipermulaan "*.

GAMBARAN KEEMPAT BELAS




Sah iqtida' kerana tiada masalah pada pintu yang tertutup, tapi tidak rapat jika ianya di dalam masjid. Tapi jika pintu tertutup rapat ketika solat sedang dikerjakan, apakah hukumnya?

Sekadar tertutup rapat atau berkunci tidak menghalang iqtida'.

Namun jika sampai dipaku, maka tidak boleh (iqtida').

الصورة الخامسة عشرة



هذا مسجد واحد


فتح للإمام باب،

وللمأموم باب.

هذه الصورة هي الصورة التي ذكرها الإمام ابن حجر كما في الصورة الـ-١٣، وفيها لا يصحّ الإقتداء إلاّ إذا كانت رحبة. (فالحاصل) أن الإمام الرملي والشيخ ابن حجر اتفقا على البطلان في مسألة الباب المسمّر إن كان الإمام والمأموم في مساجد. واختلفا إن كانا في مسجد واحد، فعند الرملي: يضرّ مطلقا. وعند ابن حجر: يضرّ إن فُتِحَ لكلٍّ بابٌ.

▪ الفتح: إحداث باب جديد


الصورة السادسة عشرة



(يصحّ) اقتداء المأموم بالإمام إن كانت المنارة في وقفية المسجد.


وإلاّ فلا يصحّ الاقتداء.

GAMBARAN KELIMA BELAS




Gambaran ini merupakan gambaran yang disebut oleh Imam Ibnu Hajar sama seperti gambaran ke-13. Dalam gambaran ini, tidak sah *iqtida'* melainkan jika laluan yang digunakan makmum (di luar pintu) adalah termasuk رحبة masjid. [Kesimpulannya] Imam Ar-Ramli dan Syekh Ibnu Hajar sepakat menyatakan batal pada masalah pintu yang dipaku bila imam dan makmum berada di dua masjid yang berbeza. Namun jika mereka berada di masjid yang sama, berlaku khilaf antara dua ulamak ini. Di sisi Imam Ar-Ramli: tidak sah *iqtida'* secara mutlak. Sementara menurut Imam Ibnu Hajar pula, tidak sah bila imam dan makmum mempunyai pintu masing-masing (terpisah).

GAMBARAN KEENAM BELAS



الصورة السابعة عشرة


هذه مجموعة مساجد أبوابها متنافذة



(يصحّ) الإقتداء ما دامت الأبواب متنافذة أو غُلّقت ولم تسمّر، تعتبر كالمسجد الواحد.

إذ الشرط في المساجد حتى يصحّ الإقتداء فيها: أن تكون متلاصقة، وأبوابها متنافذة، وإن كانت مغلقة، لا مسمّرة.

GAMBARAN KETUJUH BELAS



Ini merupakan gabungan beberapa masjid yang pintu-pintunya saling menembusi.

Sah *iqtida'* selama pintu-pintunya menembusi, atau tertutup namun tidak dipaku. Dalam keadaan begini, kesemuanya dikira seperti sebuah masjid.

Ini kerana syarat pada beberapa buah masjid (agar sah *iqtida'* di dalamnya) adalah: saling bertemu (menempel) dan pintu-pintunya saling menembusi meskipun ia tertutup asalkan tidak dipaku.

SITUASI KEDUA
Imam Dan Makmum Berhimpun Di Tempat Selain Masjid

Dalam situasi ini terdapat 2 keadaan:

A) Imam dan makmum berada di tanah lapang seperti halaman masjid, padang dan seumpamanya.

Dalam keadaan ini, disyaratkan:

الحالة الثانية : أن يجتمعا في غير المسجد.

- فإما أن يكونا في فضاء (وهو البقعة التي تخلو عن الأبنية مثل ساحات المساجد التي لا تعدّ منه، أو في صحراء أو ما شابه ذلك)

فيشترط حينئذ : ١) العلم بانتقالات الإمام.

٢) وأن لا تزيد المسافة بينهما عن ٣٠٠ ذراع تقريبا.

- وإن كانا في بنائين ، أو أحدهما في فضاء والآخر في بناء، أو العكس اشترط :

١- العلم بانتقالات الإمام.

٢- والقرب بأن لا تزيد المسافة بينهما عن ٣٠٠ ذراع تقريبا.

٣- وعدم الحائل بينهما يمنع المرور أو الرؤيا بحيث يرى المأموم الإمام أو أحد المأمومين، مع إمكان المرور.

٤- إذا لم ير المأموم الإمام اشترط وجود رابط بينهما، وستذكر شروط الرابط في محلّه.

٥- إمكان الوصول إلى الإمام من غير ازورار وانعطاف.

واشترط الشيخ عبد الله باسودان، وتبعه في البغية: أن تكون الرؤيا من محلّ المرور، والمعتمد عدم اشتراطه.

1. Dapat mengetahui gerakan imam berpindah dari satu rukun ke rukun yang lain.
2. Jarak antara mereka tidak melebihi 300 hasta (lebih kurang 144 meter).

B) Mereka berada di dalam 2 buah bangunan yang berbeza, atau seorang di tanah lapang dan seorang lagi di dalam bangunan.

Dalam keadaan ini, disyaratkan:

1. Dapat mengetahui gerakan imam berpindah dari satu rukun ke rukun yang lain.
2. Jarak antara mereka tidak melebihi 300 hasta (lebih kurang 144 meter).
3. Tidak ada batas yang menghalangi jalan atau penglihatan bermakna makmum **dapat melihat** imam atau salah seorang dari kalangan makmum dan dia **dapat berjalan** menuju imam.
4. Jika makmum tidak dapat melihat imam, disyaratkan terdapat perantara. Syarat-syarat perantara akan dinyatakan di tempatnya nanti.
5. Makmum dapat sampai kepada imam tanpa membelok ke belakang atau berpusing dari arah kiblat.

Syeikh Abdullah Basaudan mengenakan syarat tambahan iaitu laluan makmum untuk menuju imam hendaklah tempat di mana dia melihat gerakan imam. Dalam hal ini beliau diikuti oleh pengarang Bughyah. Namun mengikut pendapat yang *muktamad*, hal ini tidak disyaratkan.

Peringatan Penting

Pertama: Pintu yang tertutup rapat atau terkunci, begitu juga tirai menghalang kesahan iqtida’ dalam situasi ini (imam dan makmum berada di tempat selain masjid) kerana tidak memenuhi syarat makmum mesti dapat **melihat** imam

تنبيهات مهمة

الأول: الباب المغلق والمردود، والستارة يضر هنا (في غير المسجد) بخلافه في المسجد، فلا يضر إلا الباب المسمر، لأنه هنا يشترط الرؤية.

والباب المردود والستارة يمنعان الرؤية وان لم يمنعا الوصول إل الإمام.

فإن أمكن رؤية الإمام من شباك أو زجاج؟ صح، والا فلا.

أما الباب المغلق فيمنع الرؤية والوصول إلى الإمام معا.

الثاني: الشباك والزجاج يضر هنا وفي المسجد لأنه وإن أمكن رؤية الإمام إلا إنه يمنع الوصول إلى الإمام. فإن أمكن الوصول إلى الإمام من منفذ آخر بغير ازورار وانعطاف؛ صح في الجميع. وإن كان بازورار وانعطاف؛ صح في المسجد فقط إن كان الوصول إلى الإمام من المسجد أو رحبة المسجد.

الثالث: لا يضر زوال الرابطة أثناء الصلاة، ولا رد باب المنفذ، ولا غلقه، ولا بناء حائل بينهما - حيث لا تقصير - إن علم بانتقالات الإمام.

الرابع: ضابط الإزورار والإنعطاف: هو أن يكون بحيث لو ذهب المأموم إلى الإمام من مصلاه؛ جعل القبلة خلف ظهره، بخلاف ما إذا كانت عن يمينه أو يساره فإنه لا يضر.

. Ini berbeza dengan situasi bila mereka berada di dalam masjid di mana hal ini tidak menjadi masalah kecuali jika pintu tersebut dipaku (*sealed*).

Pintu yang tertutup dan juga tirai menghalang penglihatan makmum meskipun ia tidak menghalangnya untuk sampai kepada imam. Jadi, seandainya imam dapat dilihat menerusi tingkap atau dinding kaca, maka sah iqtida'nya. Jika tidak, maka tidak sah.


Pintu yang terkunci pula menghalang makmum dari melihat imam dan dari menuju kepadanya sekaligus.

Kedua: Tingkap dan dinding kaca menghalang kesahan iqtida' dalam situasi ini (imam dan makmum berada di tempat selain masjid) dan dalam situasi bila mereka berada di dalam masjid. Ini kerana meskipun makmum dapat melihat imam, namun dia **tidak dapat sampai** kepada imam. Jadi, seandainya dia dapat sampai kepada imam melalui jalan lain **tanpa perlu membelok ke belakang atau berpusing dari arah kiblat**, maka sah iqtida' di dalam kedua-dua situasi. Tetapi jika dia perlu membelok ke belakang atau berpusing dari arah kiblat, maka ia hanya sah **di dalam** masjid sahaja jika laluannya menuju imam **berada dalam** zon masjid atau kaki lima @ anjung masjid.

Ketiga: Hilangnya perantara di tengah-tengah solat tidak menjadi masalah. Begitu juga pintu laluan ditutup atau dikunci, ataupun terdapat halangan dibina ketika solat sedang berlangsung, selama tidak ada kecuaian dari pihak makmum. Semua ini sah jika makmum dapat mengetahui gerakan imam berpindah dari satu rukun ke rukun yang lain.


Keempat: Parameter *izwirar* dan *in'ithaf* (membelok ke belakang dan berpusing dari arah kiblat): Jika makmum berjalan menuju kepada imam, dia akan membelakangi kiblat. Namun jika sekadar menjadikan kiblat di sebelah kanan atau kirinya, maka tidak menjadi masalah.

الصورة الأولى : الإمام والمأموم في فضاء




(لايصحّ) لأنه وجدت مسافة بين الإمام المأموم تزيد عن ٣٠٠ ذراع.

الصورة الثانية : الإمام والمأموم في بنائين (غرفتين)




(يصحّ) الاقتداء لتوفر الشروط، والمسافة التي بينهما لا تضرّ. لكن إذا زادت ضرّت.

الصورة الثالثة : كلاهما في بنائين




(لا يصحّ) الإقتداء لأنّه وجد بينهما ما يمنع المرور والرؤيا.


GAMBARAN PERTAMA: Imam dan makmum di tanah lapang




GAMBARAN KEDUA: Imam dan makmum di dalam dua binaan



GAMBARAN KETIGA: Mereka berdua di dalam dua binaan




الصورة الرابعة : كلاهما في بنائين




(لا يصحّ) الاقتداء لأنه وجد ما يمنع المرور، وإن كان لا يمنع الرؤيا.

الصورة الخامسة : كلاهما في بنائين




(لا يصحّ) الاقتداء، لأنّ الستارة مانعة للرؤيا.

الصورة السادسة : كلاهما في بنائين




(يصحّ) لأنه يمكن الاستطراق منه عادة، وليس فيه ازورار وانعطاف عن القبلة. ولو أزيل السلّم في اثناء الصلاة: (ضرّ)، وقال البجيرمي: (لا يضرّ).

GAMBARAN KEEMPAT: Mereka berdua di dalam dua binaan




GAMBARAN KELIMA: Mereka berdua di dalam dua binaan



GAMBARAN KEENAM: Mereka berdua di dalam dua binaan



الصورة السابعة : كلاهما في بنائين



٧) (يصحّ) الإقتداء لأنّ المأموم يرى من يرى الإمام.


(مسألة لو أزيل الرابط) لا يضرّ زوال الرابط اثناء الصلاة، فيتم المأموم صلاته إن علم انتقالات إمامه ، لأنه يغتفر في الدوام ما لا يغتفر في الابتداء.

(شروط اقتداء المأموم بالرابطة الذي يرى الإمام أو يرى من يراه)


إنّ هذا الرابط بالنسبة للمأموم مثل إمامه، فيجب أن لا يتقدّم عليه في الموقف، ولا يحرم قبله. وكذا لا يسلّم قبله، ولا يتقدم عليه في الإنتقالات عند الرملي، خلافا لابن حجر. وقال الرملي أيضا: ويشترط أن يكون ممن يصحّ الإقتداء به.

الصورة الثامنة : كلاهما في بنائين

(لا يصحّ) الاقتداء لأنّ المأموم لا يرى الإمام، ولا يوجد رابطة بينهما.



GAMBARAN KETUJUH: Mereka berdua di dalam dua binaan




Sah iqtida' kerana makmum dapat melihat orang yang dapat melihat imam.

(Masalah perantara hilang) tidak mengapa jika perantara hilang (pergi) ketika solat sedang dikerjakan. Jadi, makmum boleh meneruskan solatnya jika dia mengetahui gerakan imamnya (perpindahan dari satu rukun ke rukun berikutnya). Ini berdasarkan kaedah " Dimaafkan bila ia di tengah-tengah, tidak dimaafkan jika ia dipermulaan ".


(Syarat-syarat makmum mengikut perantara yang dapat melihat imam atau orang yang dapat melihat imam)

Sesungguhnya kedudukan perantara bagi makmum adalah umpama imamnya sendiri. Dengan ini, makmum tidak boleh berdiri lebih hadapan dari perantaranya dan bertakbirotul ihram sebelumnya. Disisi Imam Ar-Ramli, makmum tidak boleh memberi salam sebelumnya dan tidak boleh mendahuluinya dalam gerakan perpindahan rukun. Namun menurut Imam Ibnu Hajar: 2 perkara ini tidak mengapa. Imam Ar-Ramli juga berpendapat: disyaratkan perantara tersebut sah diikuti (jadi imam) oleh makmum.

GAMBARAN KELAPAN: Mereka berdua di dalam dua binaan




الصورة التاسعة : كلاهما في بنائين



(يصحّ) الإقتداء لأن المأموم يرى من يرى الإمام، ويمكنه الوصول إليه من غير ازورار ولا انعطاف.


الصورة العاشرة : كلاهما في بنائين

(لا يصحّ) الإقتداء وإن كان يرى الإمام، لكنه إن أراد الوصول إليه، لَولّى ظهره عن القبلة.




الصورة الحادية عشر : أحدهما في فضاء، والآخر في بناء


يصحّ الإقتداء إن كان سيصل إلى الإمام من غير ازورار وانعطاف. وإن كان سيولّي ظهره عن القبلة فلن يصحّ اقتداؤه.




GAMBARAN KESEMBILAN: Mereka berdua di dalam dua binaan




GAMBARAN KESEPULUH: Mereka berdua di dalam dua binaan




GAMBARAN KESEBELAS: Seorang di tanah lapang dan seorang lagi di dalam binaan



الصورة الثانية عشر : كلاهما في بنائين



الصورة الثالثة عشر : كلاهما في بنائين




الإمام في بناء،
والمأموم في بناء،
وحال بينهما نهر كبير.


(يصحّ) الإقتداء، لأن النهر الكبير مثل الشارع وإن كثر طروقه (أي المارّين) والنار ونحو ذلك. لا يضرّ تخلّل هذه الأشياء بين الإمام والمأموم.

قال في بشرى الكريم: "ولا يضرّ تخلّل الشارع بين الإمام والمأموم وإن كثر طروقه، ولا النهر الكبير وإن لم يمكن عبوره، ولا النار ونحوها.

GAMBARAN KE-12: Mereka berdua di dalam dua binaan



GAMBARAN KE-13: Mereka berdua di dalam dua bangunan



Sah iqtida’ kerana sungai yang besar adalah seperti jalanraya (tidak mengapa meskipun terdapat ramai orang lalu lalang di situ). Begitu juga api dan seumpamanya. Tidak mengapa jika perkara-perkara ini merintangi antara imam dengan makmum.

Pengarang Busyro Al-Karim berkata: “Tidak mengapa jika terdapat jalanraya yang merintangi antara imam dengan makmum meskipun terdapat ramai orang lalu lalang di situ. Tidak mengapa juga rintangan berupa sungai besar meskipun ia tidak dapat diseberangi. Tidak mengapa juga api dan seumpamanya”.

الحالة الثالثة والرابعة : أن يكون الإمام في المسجد والمأموم خارجه أو العكس


ويشترط فيها :

١- العلم بانتقالات الإمام.

٢- أن لا تزيد المسافة بينه وبين الإمام عن ٣٠٠ ذراع تقريبا. وتحسب المسافة من الباب أو عتبة المسجد إلى المأموم إن لم تتصل الصفوف. وأما إن اتصلت إلى خارج المسجد فتحسب من آخر صف إلى عقب المأموم، دون أصابعه.

٣- أن يرى الإمامَ أو بعض المقتدين به.

الصورة الأولى :




SITUASI KETIGA DAN KEEMPAT

Imam Di Dalam Masjid Dan Makmum Di Luar Masjid Atau Sebaliknya


Di dalam situasi ini disyaratkan:

1. Makmum dapat mengetahui gerakan imam berpindah dari satu rukun ke rukun yang lain.
2. Jarak antara mereka tidak melebihi 300 hasta (lebih kurang 144 meter).
   Jarak dihitung bermula dari pintu masjid hingga ke tempat makmum berdiri jika tiada saf yang bersambung. Adapun jika terdapat saf yang bersambung hingga ke luar masjid, maka jarak tersebut dikira bermula dari saf yang paling belakang hingga ke tumit makmum (bukan hujung jari kakinya).
3. Makmum dapat melihat imam atau sebahagian dari orang yang mengikuti imam.

GAMBARAN PERTAMA




الصورة الثانية :




في هذه الصورة، لم تتصل الصفوف إلى خارج المسجد فتحسب المسافة من عتبة الباب، فإن زادت عن ٣٠٠ ذراع: لم تصحّ. وإلاّ: صحّت.

الصورة الثالثة :




في هذه الصورة اتصلت صفوف المصلّين إلى خارج المسجد، فتحسب المسافة من آخر صفّ إلى عقب المـأموم.


GAMBARAN KEDUA



GAMBARAN KETIGA




الصورة الرابعة :



ثمّ لاحظ أنّ المأموم في المسجد، فإن اتّصلت الصفوف إلى المسجد فلا يضرّ الفارق بين المأموم وصفوف المصلّين لأنّه في مسجد.


الفارق: هو الفراغ أو المحل الخالي قدام المأموم الذي صلى منفردا داخل المسجد .

الصورة الخامسة :




هنا المأموم خارج المسجد وهو يرى الإمام من خلال الشباك، ويمكنه المرور من الباب المتّصل بالشباك إلى الإمام من غير ازورار وانعطاف.

GAMBARAN KEEMPAT



Perhatikan bahawa makmum berada di dalam masjid. Dengan ini, sekiranya saf-saf makmum bersambung hingga ke masjid, maka tidak mengapa terdapat ruang kosong di antara makmum (yang solat bersendirian di dalam masjid) dengan saf jemaah di depannya kerana dia berada di dalam masjid.


GAMBARAN KELIMA



Di sini, makmum berada di luar masjid dalam keadaan dia dapat melihat imam dari celah tingkap dan dia dapat sampai kepada imam melalui pintu yang bersambung dengan tingkap tanpa perlu membelok ke belakang dan berpusing dari arah kiblat.

(يصحّ) الإقتداء على المعتمد. وهو خلاف ما أقرّه باسودان، وتبعه في البغية حيث اشترطوا المرور من محلّ الرؤيا، فلا تصحّ عندهم هذه الصورة. قال في إعانة الطالبين: لكن محلّ الضرر في الشباك، إذا لم يكن الجدار الذي هو فيه متصلا بباب المسجد، ويمكن الوصول منه إلى الإمام من غير ازورار وانعطاف. فإن كان كذلك لا يضرّ. قال ح ل (حلبي) : متى كان متصلا لا يضرّ، سواء وجد ازورار وانعطاف أو لا) اهـ

الصورة السادسة :



هنا المأموم خارج المسجد وهو يرى الإمام من خلال الشباك، ويمكنه الوصول إليه من الباب لكنه سيتقدم على الإمام تقديرا أي لو قدرنا وصوله إليه لكان تقدّمه تقديرا، وسيصل من غير ازورار وانعطاف خارج المسجد، لكنه سيولّي ظهره عن القبلة داخل المسجد .


هذه مسألة متوقفة . قال شيخنا : لعلّه لا تصحّ لتقدم المأموم على الإمام ولو تقديرا .

Sah iqtida' menurut pendapat yang muktamad. Namun ianya bercanggah dengan pegangan Syeikh Basaudan - dan beliau diikuti oleh pengarang Bughyah - di mana mereka mensyaratkan mesti **dapat berjalan melalui tempat makmum melihat imam**. Dengan demikian gambaran ini tidak sah menurut mereka.

Menanggapi pendapat di atas, pengarang I'anah at-Talibin berkata: *"Sebenarnya, masalahnya adalah pada tingkap, jika ia tidak bersambung dengan pintu masjid. Kemudian di sini makmum dapat sampai kepada imam tanpa membelok ke belakang dan berpusing dari arah kiblat. Jadi tiada masalah sebenarnya."*

Syeikh Halabi berkata*: "Bilamana tingkap bersambung dengan pintu masjid, maka tiada masalah (sah iqtida'), sama ada perlu membelok ke belakang dan berpusing dari arah kiblat atau pun tidak."*

GAMBARAN KEENAM



Di sini, makmum berada di luar masjid dalam keadaan dia dapat melihat imam dari celah tingkap dan dia dapat sampai kepada imam melalui pintu. Cumanya, jika kita andaikan makmum berjalan pergi kepada imam, maka dia akan **berada di hadapan imam**.

Seperkara lagi, ketika dia berada di luar masjid, dia dapat sampai kepada imam **tanpa membelok ke belakang dan berpusing dari arah kiblat**, cumanya dia akan **berpaling dari arah kiblat** setelah masuk ke dalam masjid.

Ini adalah masalah yang tergantung (belum ada keputusan hukum). Guru kita berkata: Barangkali ianya tidak sah kerana makmum akan pergi ke **hadapan imam** walaupun secara andaian.

صور اقتداء المأموم بالإمام

تأليف

الشيخ عبد الله باسودان رحمه الله تعالى


من كبار علماء حضرموت ، دَوعن

مع زيادة تعليق يسير في بعض الصور

من الشيخ طه عبد الحميد حمادي

مدرس في رباط تريم ، حضرموت


الصورة الأولى



مسجد ومساجد

« صحيحة


الصورة الثانية




مرور غير ضار

« صحيحة


الصورة الثالثة




الصورة الرابعة



الصورة الخامسة




الصورة السادسة



صحيحة

يتبع فيها المارّ يمينه


الصورة السابعة



صحيحة

يتبع فيها المارّ يساره

الصورة الثامنة



غير صحيحة على الراجح، قال شيخنا: خلافا للإسنوي الذي قال بأنها الشرط: العلم بانتقالات الإمام.

جدول الأحكام
لاقتداء المأموم بالإمام

لخصها من حاشية البيجوري

عبد المنان لوبيس بن قصري الدمنسري

خادم طلبة العلم الشريف في باتنج كالي ، سلنجور

صور اقتداء المأموم بالإمام

إن كان الإمام والمأموم بالمسجد، اشترط :

١) العلم بانتقالات الإمام بطريق

* المدار على وقوع صدقه في قلبه وإن لم يكن مصليا

** وللمأموم التوجه لأي جهة شاء

*** لكن لا يتوجه المأموم إلى الجهة التى توجه إليها الإمام

**** والضابط الكلى: أن لا يتقدم بجميع ما اعتمد عليه المأموم على جزء مما اعتمد عليه الإمام

٢) عدم التقدم على الإمام

٣) إمكان الإستطراق عادة إلى الإمام


ولو :

- بازورار وانحراف عن القبلة واستدبار لها
- بَعُدت المسافة

شروط القدوة : ١٢

١- أن يوافق نظم صلاتيهما في الأفعال الظاهرة
٢- تبعيته لإمامه
٣- العلم بإنتقالات الإمام
٤- **اجتماعهما بمكان**
٥- أن لا يخالفه في سنن تفحش المخالفة فيها
٦- أن لا يتقدم على إمامه في المكان
٧- نية الإقتداء
٨- أن تكون صلاة الإمام صحيحة في اعتقاد المأموم
٩- أن تكون صلاة الإمام مغنية عن الإعادة
١٠- أن لا يكون الإمام مقتديا
١١- أن لا يكون الإمام أنقص من المأموم بالأنوثة او الخنوثة
١٢- أن لا يكون الإمام أميّا والمأموم قارئا

صور اقتداء المأموم بالإمام



إن كان الإمام في

١) العلم بانتقالات الإمام بطريق

مشاهدة
- ➢ الإمام نفسه
- ➢ بعض الصف

سماع
- ➢ صوت الإمام نفسه
- ➢ صوت مبلغ*

٢) عدم التقدم على الإمام

والعبرة في:
- ❖ القائم : بعقبيه
- ❖ القاعد : بأليتيه
- ❖ المضطجع : بجنبه
- ❖ المستلقي : برأسه

***


المردود

في الإبتداء
أي قبل الصلاة
(ضر)

* المدار على وقوع صدقه فى قلبه وإن لم يكن مصليا.

** ويكون ذلك الواقف فى حذاء الباب رابطة بينهم وبين الإمام، وهو فى حقهم كالإمام، فلا يجوز تقدمهم عليه.

*** والضابط الكلى: أن لا يتقدم بجميع ما اعتمد عليه المأموم على جزء مما اعتمد عليه الإمام.


المسجد، والمأموم خارجه أو بالعكس
فشروطه :
٣) إمكان الوصول إلى الإمام من غير ازورار وانحراف
٤) أن لا تزيد مسافة ما بين المأموم وآخر المسجد على ثلاثمائة ذراع تقريبا، وكذا ما بين كل صفين وشخصين
فإذا حال الباب
المردود
المغلق (ضر)
المفتوح - فاقتداء المأموم
في أثناء الصلاة (لا يضر)
- الواقف بحذاء الباب
- الصف المتصل به
- من خلفه
(جائز)**
العادل عن محاذاة الباب
وكانت رابطة بينه وبين الإمام (يجوز)
بدون رابطة بينه وبين الإمام (لا يجوز)

إن كان الإمام والماموم

وتحتها اربع صور :

١) أن يكونا فى فضاء

٢) أن يكونا فى البناء

٣) أن يكون الإمام فى فضاء والمأموم فى بناء

٤) أن يكون المأموم فى فضاء والإمام فى بناء

١) العلم بانتقالات الإمام بطريق

مشاهدة
- الإمام نفسه
- بعض الصف

سماع
- صوت الإمام نفسه
- صوت مبلغ*

٢) عدم التقدم على الإمام

والعبرة في :
- القائم : بعقبيه
- القاعد : بأليتيه
- المضطجع : بجنبه
- المستلقى : برأسه

المردود

في الإبتداء
أي قبل الصلاة
(ضر)

شروط القدوة : ١٢

١٣- أن يوافق نظم صلاتيهما في الأفعال الظاهرة

١٤- تبعيته لإمامه

١٥- العلم بإنتقالات الإمام

١٦- اجتماعهما بمكان

١٧- أن لا يخالفه في سنن تفحش المخالفة فيها

١٨- أن لا يتقدم على إمامه في المكان

١٩- نية الإقتداء

٢٠- أن تكون صلاة الإمام صحيحة في اعتقاد المأموم

٢١- أن تكون صلاة الإمام مغنية عن الإعادة

٢٢- أن لا يكون الإمام مقتديا

٢٣- أن لا يكون الإمام أنقص من المأموم بالأنوثة او الخنوثة

٢٤- أن لا يكون الإمام أميّا والمأموم قارئا

بغير المسجد

فشروطه :

ناء

ناء

:

* المدار على وقوع صدقه فى قلبه وإن لم يكن مصليا

** ويكون ذلك الواقف فى حذاء الباب رابطة بينهم وبين الإمام وهو فى حقهم كالإمام فلا يجوز تقدمهم عليه

*** والضابط الكلى: أن لا يتقدم بجميع ما اعتمد عليه المأموم على جزء مما اعتمد عليه الإمام

٣) لم تزد مسافة ما بين الإمام والمأموم على ثلاثمائة ذراع تقريبا، وكذا ما بين كل صفين وشخصين

٤) ان لا يكون بينهما حائل

فإذا حال

الباب

- شارع ولو كثر طروقه
- نهر وإن أحوج إلى سباحة

(لا يضر)

المغلق

(ضر)

المفتوح

- فاقتداء المأموم

فى الأثناء أى بعد شروع الصلاة

(لا يضر)

- الواقف بحذاء الباب
- الصف المتصل به
- من خلفه

(جائز)

العادل عن محاذاة الباب

وكانت رابطة بينه وبين الإمام

(جائز)

بدون رابطة بينه وبين الإمام

(لا يجوز)